

15/10/2003

Apec cari rumusan Cancun

Khaidir Abdul Majid; Zainab Mohd Yatim

BANGKOK: Mesyuarat Majlis Penasihat Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (ABAC) yang akan berlangsung di sini Sabtu ini hingga 21 Oktober akan menumpukan kepada usaha mempercepatkan pencarian rumusan terhadap rundingan perdagangan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang terbantut baru-baru ini di Cancun, Mexico.

Pengerusi ABAC bagi mesyuarat yang dianjurkan sempena Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) 2003 di sini Dr Viphandh Roengpithya, berkata, peserta ABAC akan bekerjasama dengan ketua 21 anggota Apec bagi mencari rumusan terhadap rundingan WTO itu.

Sidang Peringkat Menteri WTO di Cancun bulan lalu yang diadakan bagi mewujudkan rangka rundingan lanjutan bagi merumuskan semua rundingan mengenai perdagangan bebas menjelang Januari 2005 tamat tanpa sebarang kata sepakat.

"Mesyuarat ABAC mempunyai agenda yang jelas untuk mempercepatkan liberalisasi perdagangan di rantau Apec. ABAC akan menggesa Pemimpin Ekonomi Apec mempercepatkan rumusan isu perdagangan bebas bagi Agenda Pembangunan WTO Doha," kata Visphandh dalam satu laporan.

Katanya, rumusan itu penting bagi mengurangkan halangan perdagangan sektor perkhidmatan dan pertanian, sekali gus memberi manfaat kepada anggota Apec.

Visphandh, yang juga Presiden Asian University of Science and Technology di sini, berkata hasrat anggota ABAC itu akan juga dibincang pada Sidang Kemuncak CEO Apec daripada 18 hingga 21 Oktober.

Usul itu kemudiannya akan disampaikan pada Mesyuarat Pemimpin Ekonomi Apec yang bermula pada 20 Oktober ini di sini.

Sementara itu, ABAC merancang mengendalikan forum dengan ahli perniagaan di bawah tajuk 'Rangkaian dan Perniagaan' yang akan menyokong kerjasama perniagaan antara sektor swasta dan awam di kalangan anggota ekonomi Apec.

ABAC berharap untuk meningkatkan penyertaan sektor awam dan kerjasama perniagaan dengan menubuhkan Kumpulan Penasihat Sektor Awam-Swasta yang bertujuan membina keupayaan kapasiti sektor kewangan, kata Viphandh.

Majlis yang dianggotai tiga wakil daripada 21 ekonomi Apec yang mengadakan mesyuarat empat kali setiap tahun itu akan membantu membina prasarana untuk masyarakat perniagaan dan kerajaan untuk berbincang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyertai dialog mengenai isu globalisasi pada hari ketiga (20 Oktober) Sidang Kemuncak CEO Apec. Apec dianggotai 21 ekonomi yang terdiri daripada Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Taiwan, Amerika Syarikat, Vietnam dan Thailand.